

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

SOALAN NO. 307

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah bahan sisa plastik tercemar bagi tempoh Januari-Jun 2019 yang sudah dihantar pulang ke negara pengeluar asal serta adakah sisa plastik itu diterima oleh negara-negara tersebut. Adakah langkah ini berkesan bagi mengelakkan Malaysia menjadi tempat pelupusan plastik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga Jun 2019, sebanyak 5 kontena sisa plastik telah dihantar ke negara asal manakala 10 lagi dalam proses pemantauan penghantaran semula ke negara asal. Terdapat 13 kontena sisa plastik yang masih dalam penyiasatan di Pelabuhan Klang dan 11 kontena sisa plastik telah disiasat di Pelabuhan Pulau Pinang.
2. Secara keseluruhan sehingga 2 Julai 2019, sebanyak 239 jumlah kontena telah diperiksa. Sebanyak 7 kontena sisa plastik telah dihantar pulang ke negara asal dan semua kontena ini telah diterima oleh negara yang terbabit.
(Catatan: Jumlah ini adalah termasuk 5 kontena seperti mana yang dinyatakan di perenggan di atas).
3. Langkah-langkah yang diambil untuk membendung penyeludupan masuk sisa plastik tercemar adalah seperti berikut:

NO. SOALAN : 307

(i) meneruskan operasi penguatkuasaan di pelabuhan-pelabuhan secara bersepadu dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp) dan Lembaga Pelabuhan; dan

(ii) meneruskan operasi penguatkuasaan di kilang kitar semula plastik termasuk kilang haram secara bersepadu dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), Tenaga Nasional Berhad dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.